

**PERANAN IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI ERA DIGITAL:
RELEVANSI PENDEKATAN AL-GHAZALI DAN
ABDULLAH NASIH ULWAN**

**[THE ROLE OF PARENTS IN ISLAMIC EDUCATION IN THE DIGITAL AGE:
THE RELEVANCE OF THE APPROACHES OF AL-GHAZALI AND ABDULLAH
NASIH ULWAN]**

TINI VITANINGTYAS^{1*} & ROSLAN AB. RAHMAN¹

^{1*} Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.
Correspondent Email: tinivitaningtyas85@gmail.com

Received: 24 April 2025

Accepted: 26 May 2025

Published: 02 July 2025

Abstrak: Era digital telah membawa perubahan yang ketara dalam struktur sosial, komunikasi keluarga, dan pola keibubapaan. Dalam konteks masyarakat Islam, cabaran keibubapaan menjadi semakin kompleks apabila ibu bapa harus mendepani pengaruh teknologi maklumat dan media digital yang meresap ke dalam kehidupan anak-anak sejak usia awal. Artikel ini membincangkan integrasi pemikiran al-Ghazali dan Abdullah Nasih Ulwan dalam membentuk kerangka keibubapaan Islam yang relevan dalam era digital. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian konseptual, kajian ini menganalisis prinsip-prinsip kerohanian, pendidikan akhlak, serta sistem tarbiyah Islam yang diketengahkan oleh kedua-dua tokoh. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan klasik ini masih sangat signifikan apabila disesuaikan dengan cabaran digital semasa seperti ketagihan skrin, krisis identiti dan keruntuhan moral anak-anak. Model integratif yang dicadangkan menggabungkan unsur tazkiyatun nafs, muraqabah, pendidikan melalui teladan, serta penggunaan teknologi secara beretika untuk membentuk karakter Muslim digital yang seimbang dari sudut rohani dan intelek. Kajian ini mencadangkan agar model ini diuji secara empirikal melalui modul latihan keibubapaan digital Islam dan disesuaikan mengikut konteks budaya semasa.

Kata Kunci: Keibubapaan Islam, era digital, al-Ghazali, Abdullah Nasih Ulwan, pendidikan anak, nilai Islam, model integrasi.

Abstract: The digital age has brought significant changes in social structures, family communication, and parenting patterns. In the context of the Muslim society, the challenges of parenting become increasingly complex when parents have to face the influence of information technology and digital media that permeate their children's lives from an early age. This article discusses the integration of the thoughts of al-Ghazali and Abdullah Nasih Ulwan in constructing a relevant Islamic parenting framework for the digital age. Using a qualitative conceptual study design, this research analyses spiritual principles, moral education, and the systematic Islamic pedagogical approach championed by both scholars. The findings indicate that these classical approaches remain highly significant when adapted to modern digital challenges such as screen addiction, identity crisis, and the moral decline of children. The proposed integrative model combines elements of tazkiyatun nafs, muraqabah, role-model parenting, and ethical technology use to shape a balanced digital Muslim character in both spiritual and

intellectual aspects. This study recommends that the model be empirically tested through digital Islamic parenting training modules and adapted to diverse cultural contexts.

Keywords: Islamic parenting, digital era, al-Ghazali, Abdullah Nasih Ulwan, children's education, Islamic values, integration model

Cite This Article:

Tini Vitaningtyas & Roslan Ab. Rahman. (2025). Peranan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Islam Di Era Digital: Relevansi Pendekatan Al-Ghazali Dan Abdullah Nasih Ulwan [The Role Of Parents In Islamic Education In The Digital Age: The Relevanve Of The Approaches Of Al-Ghazali And Abdullah Nasih Ulwan]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(2), 15-30.

PENGENALAN

Era digital mencetuskan gelombang transformasi yang menyeluruh dalam pelbagai aspek kehidupan manusia, termasuk aspek kekeluargaan dan pendidikan anak. Peranan ibu bapa semakin mencabar dan kompleks dalam era digital. Transformasi sosial, budaya dan teknologi berlaku dengan cepat sehingga kanak-kanak dan remaja masa kini mudah terdedah kepada maklumat tanpa batasan. Hal ini mengakibatkan pelonggaran ikatan keluarga dan komuniti tradisional (Sztompka P, 2000), krisis identiti dan budaya sopan santun (Tomlinson J, 2003), peningkatan tekanan psikologi (Wang Q & Yao N, 2025), dan pengangguran akibat automasi (Brynjolfsson E & McAfee A, 2014), serta ketagihan digital (Van Dijck, 2013) yang menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Anak-anak dan remaja juga menghadapi tantangan psikologis dan sosial yang kompleks seperti; tekanan media sosial, gangguan tidur, stres digital, serta lemahnya hubungan sosial (Falcon-Linares et al., 2023; Demaria F et al., 2024; Cazan AM et al., 2024). Kesan negatif ini sangat bahaya kerana dapat merosakkan kesejahteraan mental dan perkembangan anak-anak.

Mohd Roslan et al. (2022) menyebutkan bahawa perubahan zaman sekarang telah membawa kepada satu dimensi baharu dalam dinamika hubungan antara ibu bapa dan anak-anak. Sebuah hubungan yang berkaitan dengan pendedahan kepada teknologi, media sosial, dan kandungan digital yang tidak terkawal. Maka, perlu ada sokongan ibu bapa seperti; edukasi literasi digital, manajemen waktu online, dan intervensi keluarga (Livingstone S & Byrne J, 2018). Intervensi keluarga dalam era digital melibatkan penggunaan strategi keibubapaan digital, pengawasan kandungan media, pendidikan tentang literasi digital, serta pemupukan nilai moral dan agama dalam penggunaan teknologi (Nik Azis et al., 2020).

Islam menawarkan sebuah penyelesaian kepada keluarga dalam menghadapi era digital melalui satu pendekatan keibubapaan yang bukan sahaja responsif terhadap perubahan zaman, tetapi juga berpaksikan kepada nilai dan prinsip Islam. Keibubapaan Islam bermaksud ibu bapa menjaga dan membesarkan anak-anak mengikut nilai-nilai Islam yang bersandarkan al-Quran dan hadis. Proses ini dijalankan mengikut tuntunan agama Islam iaitu mendidik anak-anak mengikut zamannya dengan mempersiapkan anak-anak bertahan dalam masa mereka hidup dengan berpegang teguh pada kebenaran (SB. Fitriyah & MNR. Maksum, 2023).

Keibubapaan Islam bukanlah suatu konsep baru, tetapi ia adalah sebuah konsep yang sedia ada dalam al-Qur'an dan hadis, yang kemudian dikaji secara mendalam oleh para ulama seperti al-Ghazali dan Abdullah Nasih Ulwan. Pemikiran tentang keibubapaan Islam pada

kedua ulama ini bukan sahaja menekankan aspek pendidikan akhlak, tetapi juga menyentuh persoalan kawalan diri, pembentukan rohani, dan strategi mendidik anak dalam lingkungan sosial secara berkesan. Konsep keibubapaan ini menggunakan pendekatan pendidikan anak-anak yang berasaskan prinsip akidah, akhlak, dan syariat Islam. Pemikiran al-Ghazali (2005) tentang keibubapaan Islam dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* menekankan bahawa anak sebagai amanah dan tanggungjawab ibu bapa. Fokus kepada pembentukan akhlak dan jiwa anak-anak sejak kecil melalui *tazkiyyah nafs* dan *muraqabah*. Kaedah yang digunakan melalui keteladanan, pembiasaan, dan nasihat. Pemikiran Abdullah Nasih Ulwan (1992) pula menstrukturkan keibubapaan Islam dalam kitab *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam* dengan pendekatan sistematik berdasarkan prinsip pendidikan aqidah, akhlak, sosial, psikologi, fizikal dan seksual.

Era digital kini mencabar konsep dan amalan keibubapaan Islam masa kini. Isu ketagihan skrin, pornografi dalam talian, kehilangan kawalan sendiri, serta pergeseran nilai-nilai moral yang dibawa oleh media sosial terjadi dalam kalangan masyarakat awam, bahkan pada anak-anak dan remaja. Ibu bapa kini berhadapan dengan dilema untuk mengimbangi antara keperluan membenarkan anak-anak mereka mengakses teknologi bagi tujuan pendidikan dan hiburan, atau keperluan memelihara mereka daripada pengaruh negatifnya (Azman N et al., 2020). Ibu bapa yang berjaya mengimbangi kedua-duanya melapor perkembangan akhlak dan sosial yang lebih stabil pada anak-anak mereka (Ismail M., 2021). Ini menyokong kepada ibu bapa untuk menggunakan konsep keibubapaan Islam sebagai panduan dalam menjaga dan membesarkan anak-anak mereka dalam era digital.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Keibubapaan merupakan asas dalam pembentukan peribadi, akhlak, dan jati diri anak-anak. Tanggungjawab mendidik anak-anak dalam Islam bukan sahaja bersifat sosial dan psikologi, tetapi juga merangkumi dimensi spiritual dan moral. Hashim & Langgulung (2008) serta Ismail & Mat Nor (2020) mencadangkan pelibatan ibu bapa secara aktif dalam pendidikan anak adalah faktor penting kejayaan pendidikan Islam. Kewajiban ibu bapa memainkan peranannya dalam melaksanakan amanah sebagai *murabbi*, *muaddib* dan *qayyim* kepada anak-anak ditegaskan oleh al-Ghazali dan Abdullah Nasih Ulwan dalam kitabnya. Kedua-dua ulama ini meletakkan tanggungjawab keibubapaan Islam sebagai proses tarbiyah secara menyeluruh pada aspek fizikal, mental, emosi dan rohani.

Kemajuan teknologi membawa perubahan besar kepada gaya hidup keluarga moden, termasuklah hubungan antara ibu bapa dan anak-anak. Kemunculan internet, media sosial, kecerdasan buatan, permainan dalam talian dan aplikasi hiburan telah mengubah secara drastik cara berinteraksi dan komunikasi dalam keluarga. Kajian Shahroom, A. A., & Hussin, N. (2018) menunjukkan bahawa purata masa skrin dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia telah meningkat kepada lebih 5 jam sehari, memberi kesan kepada tumpuan, interaksi sosial, serta perkembangan akhlak mereka. Kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa bukan sahaja perlu menjadi penyelia teknologi, tetapi juga perlu mendidik anak-anak mereka dalam menguruskan masa di kehidupan digital secara beretika dan berakhlak. Anak-anak yang tidak dapat mengawal diri dan masa dalam menggunakan media digital dengan baik dapat mengakibatkan ketagihan

media sosial, terdedah pada tontonan yang tidak bermoral dan perangai buruk, serta ketergantungan kepada skrin digital, yang menjejaskan perkembangan emosi, intelektual dan akhlak anak-anak semakin buruk.

Ramai dalam kalangan ibu bapa Muslim dilihat belum bersedia untuk memainkan peranannya sebagai *murobbi*, *muaddib*, dan *qayyim* bagi anak-anak mereka kerana kurangnya pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran dalam melaksanakan konsep keibubapaan Islam. Oleh itu, timbul keperluan untuk membina satu model konseptual keibubapaan Islam secara teori dan praktikalnya pada era digital. Iaitu sebuah konsep yang menyatukan antara prinsip-prinsip Islam dengan realiti semasa. Pemikiran al-Ghazali dan Abdullah Nasih Ulwan dilihat sebagai sumber yang sesuai untuk merumuskan satu model integratif yang mampu membantu ibu bapa Muslim dalam mendidik anak-anak mereka secara holistik pada era digital. Namun timbul persoalan adakah prinsip keibubapaan Islam yang telah dirumuskan oleh al-Ghazali lebih seribu tahun lalu masih sesuai untuk diaplikasikan dalam era digital? Oleh itu, pengkaji mencuba mengintegrasikan pemikiran al-Ghazali dan Abdullah Nasih Ulwan kemudian merumuskan keibubapaan Islam pada era digital.

Walaupun al-Ghazali dan Abdullah Nasih Ulwan tidak membincangkan teknologi secara langsung, namun prinsip-prinsip umum seperti pengawasan, keteladanan, pembiasaan, pendidikan aqidah, dan pembinaan akhlak yang kukuh dan berterusan masih boleh diterjemahkan dalam konteks keibubapaan digital. Hassan R & Rahim M (2023) mencadangkan dalam kajiannya bahawa integrasi pemikiran antara al-Ghazali dan Abdullah Nasih Ulwan boleh membentuk model keibubapaan Islam yang relevan dengan cabaran era digital sekaligus penyelesaian terhadap krisis nilai dalam kalangan remaja.

RUMUSAN MASALAH

Fenomena meningkatnya pengguna teknologi dalam kalangan kanak-kanak dan remaja telah menimbulkan cabaran baharu dalam keibubapaan Islam. Ibu bapa kini bukan sahaja perlu menyediakan keperluan asas dan pendidikan formal, tetapi juga bertanggungjawab memantau kandungan digital, masa skrin, interaksi siber dan pengaruh budaya asing yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Sepertimana hasil kajian Ahmad et al. (2021) yang melaporkan bahawa ramai ibu bapa Muslim menghadapi kesukaran dalam menyeimbangkan antara kawalan digital dengan kepercayaan terhadap anak-anak. Ibu bapa juga sukar mendapati panduan praktikal keibubapaan Islam dalam era digital. Tambahan pula wujudnya kemerosotan interaksi bersemuka dalam keluarga akibat keterikatan kepada peranti digital.

Tidak banyak kajian yang mengintegrasikan secara khusus pemikiran tokoh-tokoh klasik Islam dengan tokoh-tokoh kontemporari yang dikaitkan pada realiti keibubapaan Islam era digital. Walaupun terdapat beberapa artikel berkaitan cabaran digital parenting yang dikaji secara umum seperti kajian yang dilakukan Kabali et al., (2015) dan Livingstone et al., (2019). Namun rujukan kepada sumber-sumber Islam klasik masih terpinggir. Oleh itu, terdapat jurang ilmiah yang jelas dalam kajian keibubapaan Islam kontemporari, iaitu kekurangan usaha sistematik untuk menyemak semula pemikiran klasik dalam konteks moden. Seterusnya untuk menilai keberkesanan prinsip klasik dalam menangani cabaran digital dan menyediakan kerangka konseptual keibubapaan Islam yang komprehensif dan relevan untuk abad ke-21.

Maka perlu ada kajian untuk merapatkan jurang tersebut dan merumuskan pendekatan keibubapaan Islam era digital berdasarkan prinsip Al-Ghazali dan Abdullah Nasih Ulwan.

Kajian oleh al-Attas (2011) menekankan keperluan Islamisasi pendidikan yang mampu menyeimbangkan aspek spiritual dan intelektual anak-anak. Tujuannya supaya pendidikan Islam kontemporari dapat dirangka semula dengan merujuk kepada tradisi pemikiran klasik Islam. Oleh itu, kajian ini dibuat bagi meneruskan warisan khazanah ilmu pendidikan Islam. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada literatur akademik dan pemahaman tentang keibubapaan Islam untuk ibu bapa. Seterusnya kajian ini boleh menjadi panduan ibu bapa dalam memainkan peranannya lebih efektif dan berteraskan nilai Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif sebagai berikut:

1. Menganalisis pemikiran keibubapaan Islam menurut al-Ghazali dan Abdullah Nasih Ulwan melalui karya utama mereka, khususnya dari segi prinsip, pendekatan, dan nilai-nilai pendidikan anak dalam Islam.
2. Menilai kesesuaian dan relevansi prinsip-prinsip keibubapaan Islam pada zaman klasik dalam menangani cabaran-cabaran kontemporari yang muncul dalam era digital, seperti ketagihan skrin, keruntuhan akhlak, dan pengaruh media sosial.
3. Merumuskan cadangan konseptual untuk integrasi konsep keibubapaan Islam era digital yang berpandukan pemikiran kedua-dua tokoh tersebut serta disesuaikan dengan realiti masyarakat Muslim semasa.

SOROTAN LITERATUR

Keibubapaan Islam Menurut al-Ghazali dan Abdullah Nasih Ulwan

Kitab *Ihya' Ulumuddin* ditulis pada 489-500H (1096-1106M) iaitu masa transisi antara akhir abad ke-11 dan awal abad ke-12M. Al-Ghazali hidup pada zaman kegemilangan Islam (Abbasiyah) dan menulis *Ihya' Ulumuddin* untuk menghidupkan ilmu agama (tasawuf-etika) sebagai reaksi terhadap keadaan intelektual dan spiritual masyarakat ketika itu (Badruttamam, 2022). Berbeza dengan kitab *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam* yang ditulis pada 1390-1400H (1970-1980M) iaitu masa transisi antara akhir abad ke-19 M dan awal abad ke-20 M. Abdullah Nasih Ulwan seorang tokoh Ikhwanul Muslimin dari Yaman yang menulis kitab *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam* untuk memberikan panduan praktikal pendidikan anak menurut perspektif Islam masa kini (Purnama S, 2018; Arsyad J et al., 2023).

Konsep keibubapaan Islam menurut Imam Al-Ghazali dalam kitab *Ihya Ulumuddin* adalah proses ibu bapa membentuk jiwa anak-anak sejak kecil dengan menekankan pada niat dan hati yang bersih serta akhlak keperibadian yang tampak di kehidupan harian (Salaeh, A et al., 2023). Niat yang betul untuk mencari keredaan Allah terlahir dari hati yang paling dalam yang kemudian tampak secara fizik dalam bentuk akhlak kepada Allah SWT, Rasulullah SAW, dan sesama manusia (MHD Harmidi HRP et al., 2022). Adapun Abdullah Nasih Ulwan, dalam

karya agungnya *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam*, menggariskan pendekatan sistematik dan praktikal dalam konsep keibubapaan Islam yang merangkumi pendidikan akidah, akhlak, seksualiti, serta peranan ibu bapa dan masyarakat (Li Alamin M, 2022).

Amalan yang perlu ibu bapa lakukan adalah mendidik anak dengan keteladanan, kebiasaan, nasihat, perhatian dan pengawasan, serta hukuman (Tamirih T et al., 2023). Keibubapaan Islam pada asasnya menekankan keseimbangan antara pendidikan akidah, ibadah, akhlak, serta hubungan sosial anak-anak. Al-Ghazali berpandangan bahawa pendidikan anak hendaklah bermula seawal usia kanak-kanak, dengan penekanan kepada penanaman nilai adab, kasih sayang, dan kesedaran akan tanggungjawab rohani (Al-Ghazali, 2000). Ini kerana akhlak anak tidak terbentuk secara semula jadi, tetapi melalui latihan, persekitaran dan teladan ibu bapa.

Pemikiran al-Ghazali pada zaman klasik tidak jauh berbeza dengan pemikiran Abdullah Nasih Ulwan pada zaman kontemporari. Abdullah Nasih Ulwan berpandangan bahawa pendidikan anak terdiri daripada tujuh komponen utama, iaitu pendidikan akidah, moral, jasmani, seksual, sosial, intelek, dan rohani. Beliau menghuraikan komponen pendidikan anak secara sistematik mengikut perkembangan usia anak (Ulwan, 1992). Pendekatan ini memberikan asas teori yang kukuh dalam kerangka keibubapaan Islam yang dapat dijadikan panduan oleh ibu bapa secara praktikal.

Kajian yang ditulis oleh Saada N & Mustapha R (2020) menghuraikan bahawa al-Ghazali menekankan pendidikan anak bukan sahaja mengenai ilmu, tetapi juga pembentukan karakter dan hati. Kajian ini mengesyorkan pemikiran al-Ghazali diterapkan dalam sistem keibubapaan moden melalui pendekatan spiritual yang bersepadu. Manakala Abdullah Nasih Ulwan menggunakan pendekatan asas yang sama iaitu aqidah dan akhlak yang ditanamkan pada anak, namun konsep keibubapaan yang dirumuskan lebih sistematik dan praktikal. Kajian oleh Yusof H et al. (2020) menyimpulkan bahawa Abdullah Nasih Ulwan dalam kitabnya *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam* telah membekalkan panduan secara praktikal kepada ibu bapa Muslim dalam mendidik anak-anak sesuai dengan realiti zaman moden. Kajian ini menyatakan bahawa kitab ini merupakan antara rujukan keibubapaan Islam yang paling banyak digunakan dalam kalangan pendidik dan kaunselor Muslim di Asia Tenggara.

Kesimpulannya menurut Nasir & Abdul Rahman (2020) tentang pemikiran al-Ghazali memberikan dimensi tasawuf dan pembentukan jiwa, manakala pemikiran Abdullah Nasih Ulwan menstrukturkannya dalam bentuk pendidikan kontemporari yang boleh diaplikasikan oleh ibu bapa moden. Jadi pemikiran kedua-dua ulama ini saling melengkapi dan relevan untuk menjadi salah satu cara ibu bapa dalam mendepani cabaran di era digital.

Cabaran Keibubapaan dalam Era Digital

Ibu bapa dalam era digital menghadapi pelbagai cabaran baharu yang tidak pernah wujud pada zaman sebelumnya. Antara cabaran yang paling ketara adalah ketagihan skrin dan media sosial, yang memberi kesan terhadap perkembangan kognitif dan sosial anak-anak. Seterusnya adanya pendedahan awal kepada maklumat seksual atau tidak bermoral tanpa pengawasan. Wujud penurunan interaksi kekeluargaan akibat keterikatan digital, dan adanya perubahan sistem nilai serta identiti diri yang dipengaruhi oleh budaya asing, yang tidak berteraskan Islam.

Kajian oleh Bukhari B et al., (2024) menyatakan bahawa ibu bapa Muslim pada era digital sering berhadapan dengan dilema untuk menyeimbangkan antara memberi kepercayaan digital dan perlindungan moral terhadap anak-anak. Kajian ini juga mendapati bahawa kebanyakan ibu bapa tidak mempunyai panduan sistematik yang berteraskan nilai Islam dalam menangani isu digital parenting. Hal senada juga diungkapkan dalam kajian oleh Ahmad M et al., (2021) dengan tambahan era digital telah mengakibatkan merosotnya hubungan interaksi bersemuka antara ibu bapa dan anak-anak. Kajian Zulaiha S et al. (2022) menunjukkan bahawa keluarga Muslim yang menerapkan nilai Islam dalam penggunaan media digital anak-anak lebih berupaya membina daya tahan moral dan kestabilan emosi dalam menghadapi tekanan media.

Keperluan Integrasi Pemikiran Keibubapaan Menurut al-Ghazali dan Ulwan dalam Era Digital

Walaupun konteks sosial dan teknologi telah berubah, prinsip keibubapaan Islam klasik masih mempunyai potensi besar untuk disesuaikan dalam era digital. Abdullah R et al., (2023) menekankan bahawa prinsip tarbiyah Islam, apabila diterjemahkan secara kontekstual, boleh menjadi asas kepada pembangunan kerangka keibubapaan digital yang beretika dan berkesan. Integrasi ini bukanlah usaha untuk menggantikan teknologi, tetapi untuk mengarahkan penggunaannya secara syariah-compliant dan mendidik jiwa anak-anak agar menjadi pengguna yang bertanggungjawab. Contohnya, nilai *muraqabah* (kesedaran terhadap pengawasan Allah) yang ditekankan oleh Al-Ghazali boleh dijadikan asas kepada pendidikan digital sendiri. Manakala pendekatan *al-Tarbiyyah bi al-qudwah* (pendidikan melalui teladan) yang ditekankan oleh Ulwan sesuai digunakan dalam penglibatan ibu bapa terhadap dunia digital anak-anak.

Seperti kajian yang dilakukan oleh Zulaiha S et al., (2022) di kalangan ibu bapa Muslim di Indonesia yang mengamalkan prinsip keibubapaan Islam secara sedar lebih berjaya mengawal pendedahan anak-anak mereka kepada unsur negatif digital. Kajian ini menunjukkan bahawa nilai-nilai Islam dalam keibubapaan tidak lapuk ditelan zaman, tetapi perlu diolah kembali sesuai dengan konteks semasa. Maka perlu ada kajian yang merumuskan bagaimana pemikiran al-Ghazali dan Abdullah Nasih Ulwan tentang keibubapaan Islam dapat ditafsirkan dan disesuaikan dalam konteks keibubapaan era digital secara konstruktif dan aplikatif.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian konseptual yang bertujuan menganalisis dan mengintegrasikan prinsip-prinsip keibubapaan Islam dalam konteks era digital masa kini (Guest Greg, 2011). Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menyemak secara mendalam teks-teks Islam serta literatur kontemporari, seterusnya membina kerangka teori baharu berdasarkan sintesis intelektual.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan kaedah analisis tematik (Braun V & Clarke V,

2006; Nowell L et al., 2017). Analisis teks dilakukan terhadap dua sumber utama iaitu kitab klasik *Ihya' Ulumuddin* oleh al-Ghazali dan kitab kontemporari *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam* oleh Abdullah Nasih Ulwan. Kajian ini juga menggunakan literatur sekunder berupa artikel jurnal yang berkaitan dengan keibubapaan Islam, pendidikan anak, dan cabaran digital. Antara sumber sekunder adalah kajian oleh Zainal N dan Khalid M (2020). Pendekatan analisis kandungan tematik digunakan oleh pengkaji untuk mengenalpasti tema-tema utama dalam pemikiran kedua-dua tokoh serta membandingkannya dengan dapatan kajian terkini tentang keibubapaan dalam era digital.

Prosedur Pengumpulan Data

Sumber primer dalam kajian ini dianalisis menelusuri bahagian-bahagian berkaitan pendidikan anak, pembentukan akhlak, tanggungjawab ibu bapa, dan konsep moral dalam Islam. Sumber sekunder pula diperoleh melalui pangkalan data jurnal dengan menggunakan kata kunci seperti “Islamic parenting”, “digital age”, “Al-Ghazali”, “Abdullah Nasih Ulwan”, dan “Muslim family education”.

Teknik Analisis

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis tematik (thematic analysis) berdasarkan kaedah kualitatif konseptual. Analisis dijalankan dalam empat peringkat. Pertama, pengenalanpastian tema utama daripada teks klasik dan pemikiran tokoh. Kedua, pengkodan isi kandungan ke dalam kategori yang sistematik. Ketiga, sintesis dan integrasi pemikiran al-Ghazali dan Ulwan ke dalam struktur konseptual bersama. Keempat, pembentukan model keibubapaan integratif yang relevan dengan konteks moden. Prosedur analisis ini seperti yang disarankan oleh Clarke & Braun (2017) dalam pendekatan analisis tematik iaitu mengenal pasti pola dan makna yang berulang dalam kandungan ilmiah sebagai asas interpretasi teoretikal.


Validiti dan Kebolehpercayaan

Validiti kajian dijamin melalui penggunaan sumber primer sahih dan artikel jurnal yang telah diteliti rakan sejawat (*peer-reviewed*). Triangulasi data dilakukan melalui perbandingan lintas literatur dari pelbagai latar geografi dan konteks sosio-budaya.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Berikut adalah kerangka konseptual yang membentuk asas analisis dalam kajian ini. Gambar rajah 1.1 di bawah menunjukkan bagaimana pemikiran al-Ghazali dan Ulwan disalurkan ke dalam model keibubapaan Islam era digital, dengan mengambil kira cabaran utama masa kini.

Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian



ANALISIS KAJIAN

Analisis ini berasaskan sintesis tema yang dikenalpasti daripada teks Islam dan kajian kontemporari, seterusnya diintegrasikan dalam model keibubapaan Islam era digital.

Analisis Pemikiran al-Ghazali

Pendidikan menurut al-Ghazali harus dimulai seawal mungkin, kerana masa kecil adalah waktu pembentukan akhlak yang paling berkesan (al-Ghazali, 2005). Konsep ini sangat penting untuk membentuk anak-anak yang tahan cabaran nilai luar seperti budaya pop, krisis moral, dan gangguan digital. Kajian oleh Rosnani Hashim (2014) mendapati bahawa pendidikan Islam memerlukan kekuatan spiritual yang mendalam bagi mengimbangi kemajuan teknologi yang bersifat sekular dan individualistik. Namun, pemikiran al-Ghazali tidak banyak memberikan penekanan terhadap aspek realiti sosial kontemporari seperti struktur keluarga moden, pendidikan formal, atau hubungan teknologi dengan perkembangan akhlak. Ini menunjukkan perlunya pendekatan pelengkap.

Pemikiran al-Ghazali menekankan unsur kerohanian dan akhlak sebagai asas kepada pendidikan anak-anak. Dalam *Ihya' Ulumuddin*, al-Ghazali menganggap anak sebagai amanah Ilahi, dan pendidikan mereka perlu bermula dengan penanaman nilai *muraqabah*, *istiqamah*, dan kasih sayang yang terkawal. Pendekatan ini bersesuaian dengan cabaran era digital, di mana

kanak-kanak terdedah kepada kebebasan maya tanpa kesedaran moral. Kajian oleh Khan et al., (2020) menunjukkan bahawa konsep *muraqabah* boleh diterapkan sebagai model kawalan sendiri digital, yang menjadikan anak-anak bukan sahaja patuh kepada ibu bapa, tetapi juga sedar bahawa tingkah laku mereka sentiasa diawasi oleh Allah.

Analisis Pemikiran Abdullah Nasih Ulwan

Abdullah Nasih Ulwan membawa dimensi keibubapaan Islam yang lebih strategik dan responsif terhadap zaman moden. Beliau menekankan lima aspek utama pendidikan anak iaitu pendidikan iman, pendidikan moral, pendidikan fizikal, pendidikan akal, dan pendidikan sosial. Beliau juga menetapkan panduan terperinci kepada ibu bapa, termasuk cara berinteraksi dan berkomunikasi, cara menegur, serta peranan psikologi dalam pembangunan anak-anak (Ulwan, 1992). Beliau menekankan bahawa pendidikan bukan sahaja tanggungjawab individu, tetapi juga institusi sosial dan negara, satu pandangan yang sejajar dengan kerangka *maqasid syariah* dan pendekatan pendidikan holistik (Auda, 2008).

Pemadanan dengan Isu Digital Semasa

Cabaran digital seperti ketagihan media sosial, akses pornografi, krisis identiti dan gangguan emosi, telah menjadi isu besar dalam masyarakat Muslim moden. Menurut kajian oleh Livingston et al., (2019), pendedahan awal kepada media digital yang tidak ditapis boleh mengakibatkan gangguan perkembangan psikososial dalam kalangan remaja. Dari sinilah kehadiran ibu bapa sebagai pendidik utama perlu lebih proaktif. Prinsip-prinsip Islam yang ditawarkan oleh Al-Ghazali dan Ulwan melalui pemikirannya dapat berfungsi sebagai kerangka penstabil. Pendekatan Al-Ghazali bersifat *tazkiyyah*, manakala Ulwan bersifat sistematik. Keduanya bergabung menjadi satu sintesis yang membawa keseimbangan antara dimensi spiritual, emosi dan praktikal dalam keibubapaan Islam. Pendidikan aqidah dan akhlak anak sejak dini, konsep *muraqabah*, *tazkiyyatun nafs*, *qudwah hasanah*, dan pengawasan berstruktur menjadi penyelesaian kepada isu-isu ini.

PERBINCANGAN HASIL

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pemikiran al-Ghazali seribu tahun lepas digabungkan bersama pemikiran Abdullah Nasih Ulwan era kontemporari terdapat satu kesatuan prinsip tentang keibubapaan Islam. Prinsip tersebut adalah Pendidikan aqidah, akhlak, dan syariat Islam. Ternyata pemikiran kedua-dua ulama masih sangat relevan, malah berpotensi untuk diadaptasi secara berkesan dalam konteks era digital, sekiranya disusun dalam bentuk panduan praktikal kepada ibu bapa. Sebuah pendekatan yang seimbang antara penggunaan teknologi dan bimbingan rohani *tazkiyyatun nafs* melalui nilai *muraqabah* dalam kesedaran siber anak-anak serta penggunaan aplikasi teknologi dengan prinsip akhlak dan patuh syariah. Ini menjadi cadangan penyelesaian pada ibu bapa dalam menghadapi cabaran era digital.

Relevansi Al-Ghazali dalam Pendidikan Islam di Era Digital

Al-Ghazali menekankan bahawa anak-anak merupakan amanah Allah dan fitrah yang suci, justeru keibubapaan adalah proses penyucian dan pembentukan moral secara berterusan (al-Ghazali, 2005). Hal ini sangat penting dalam dunia moden yang dipenuhi dengan gejala hedonisme, materialisme dan krisis identiti, di mana peranan ibu bapa sebagai penjaga moral dan spiritual tidak boleh diganti oleh institusi lain. Aspek pembersihan jiwa (*tazkiyyah al-nafs*) sebagai teras dalam mendidik anak. Keibubapaan menurutnya bukan sekadar mengasuh, tetapi adalah proses pembinaan manusia unggul yang diletakkan di bawah dimensi ibadah.

Al-Ghazali memberikan tumpuan kepada pembinaan rohani dan akhlak dalaman, yang dalam konteks era digital boleh diterjemahkan kepada pembinaan kesedaran sendiri (*self-regulation*). Ketika teknologi memberikan kebebasan akses kepada maklumat, nilai *muraqabah* membentuk filter moral dalaman yang membimbing penggunaan teknologi secara berakhlak. Pendekatan ini diperkukuhkan oleh kajian Abdullah et al. (2023) yang menunjukkan bahawa kanak-kanak yang dibesarkan dalam rumah tangga berteraskan nilai spiritual Islam lebih berdaya tahan terhadap gangguan media sosial dan tekanan budaya siber.

Relevansi Ulwan dalam Pendidikan Islam di Era Digital

Ulwan menggariskan keperluan pendidikan yang sistematik, bermula dari usia muda hingga baligh, melalui tujuh komponen utama (akidah, ibadah, akhlak, fizikal, intelek, emosi, sosial). Salah satu pendekatan penting yang ditekankan Ulwan ialah pendidikan melalui teladan (al-qudwah), yang mengiktiraf ibu bapa sebagai model akhlak dalam kehidupan harian. Dalam konteks digital, pendekatan ini masih sangat relevan. Kajian oleh Hashim & Yusof (2021) menunjukkan bahawa anak-anak yang melihat ibu bapa mereka menggunakan teknologi secara berhemah lebih cenderung untuk meniru tingkah laku positif tersebut. Maka, al-Qudwah menjadi alat strategik dalam pendidikan digital Islam.


Pendidikan Islam sangat penting dalam era digital, di mana ibu bapa menghadapi tekanan pekerjaan, masa berkualiti yang terhad, dan pengaruh gajet dalam kehidupan anak-anak. Kajian oleh Norizan Abdul Razak dan Mohd Roslan Mohd Nor (2021) menyokong pandangan ini dengan menegaskan bahawa pendidikan Islam hari ini perlu realistik dan adaptif. Ulwan juga menekankan aspek praktikal dalam pendidikan, termasuk pendekatan pedagogi berasaskan pendidikan sistematik, peranan ibu bapa, dan pengaruh persekitaran.

Pendekatan Ulwan lebih aplikatif terhadap cabaran kontemporari, termasuk pendidikan seksual, pengaruh media massa, dan krisis identiti remaja Muslim. Beliau menyediakan panduan praktikal kepada ibu bapa dalam menangani isu-isu semasa, selaras dengan dapatan dalam kajian kontemporari oleh Ismail dan Mat Nor (2020), yang menegaskan perlunya pendekatan strategik keibubapaan yang fleksibel tetapi tetap berpaksikan nilai Islam. Ini menjadikan pemikirannya sangat sesuai untuk dibentuk sebagai modul pendidikan keluarga Islam dalam era digital. Contoh modul latihan penggunaan peranti beretika digabungkan dalam kurikulum kekeluargaan Islam di sekolah dan masjid. Ini selari dengan kajian Alshammari M et al., (2021) bahawa pendidikan keluarga Islam hendaknya responsif terhadap era digital.

Keperluan Kerangka Praktikal Baharu

Perbincangan ini menekankan keperluan untuk membina kerangka konseptual dan praktikal keibubapaan Islam digital berdasarkan prinsip warisan. Model ini perlu merangkumi elemen-elemen seperti; panduan kawalan digital berasaskan Islam, penguatan nilai kerohanian dalam penggunaan teknologi, pendidikan etika siber, dan latihan ibu bapa sebagai pendidik. Kerangka ini harus dapat dilaksanakan secara fleksibel dalam pelbagai konteks masyarakat Muslim. Berikut adalah kerangka model integrasi keibubapaan Islam era digital yang menggambarkan bagaimana pemikiran al-Ghazali dan Ulwan menjadi satu model konseptual yang sesuai untuk menangani cabaran era digital. Model ini menjadi model keibubapaan moden berasaskan nilai Islam yang responsif terhadap teknologi dan membentuk karakter Muslim yang seimbang.

Rajah 1.2 Kerangka Model Integrasi Keibubapaan Islam Era Digital



Pemikiran al-Ghazali tentang keibubapaan Islam mengutamakan kepentingan pendidikan aqidah dan akhlak anak sejak dini sebagai akar keperibadian. *Muraqabah* (kesedaran akan pengawasan Allah) dan *tazkiyyatun nafs* (latihan mensucikan jiwa dari dalam hati dan menampakkannya secara fizikal dalam bentuk akhlak yang baik melalui kebiasaan). Pemikiran Abdullah Nasih Ulwan tentang keibubapaan Islam mengedepankan *Tarbiyah bi al-Qudwah* (pendidikan keteladanan ibu bapa sebagai model tingkah laku anak).

Tahapan pendidikan mencakup aspek fizikal, mental, sosial dan spiritual disusun secara sistematik berdasarkan perkembangan usia anak. Pemantauan dan perlindungan anak diwujudkan melalui kasih sayang, perhatian, pengawasan, dan keteladanan dari ibu bapa.

Melalui sintesis prinsip-prinsip di atas, dikembangkan menjadi satu model integratif yang boleh dijadikan panduan keibubapaan Islam dalam era digital. Model ini mencadangkan pendidikan nilai secara aktif melalui komunikasi digital beretika.

KESIMPULAN KAJIAN

Kajian ini menegaskan bahawa integrasi keibubapaan Islam pada era klasik al-Ghazali dan era kontemporari Abdullah Nasih Ulwan dengan pendekatan keibubapaan era digital bukan sahaja mungkin, tetapi sangat perlu, demi menjamin kelestarian akhlak, moral, dan rohani generasi Muslim yang hidup dalam dunia serba maya. Keberkesanan model ini bergantung pada pengembangan praktikal, adaptasi budaya, dan kesanggupan institusi Islam untuk mengangkat model ini ke peringkat pelaksanaan strategik.

Kajian ini menyoroti kepentingan mengintegrasikan prinsip-prinsip keibubapaan Islam ke dalam konteks keibubapaan era digital yang mencabar. Melalui analisis kandungan tematik dan penghasilan kerangka konseptual, didapati bahawa pendekatan spiritual dan pedagogi sistematik dari dua tokoh ini menawarkan asas kukuh bagi menangani isu-isu utama seperti; ketagihan skrin, pendedahan tidak bermoral, dan krisis identiti anak-anak digital, serta lemahnya kawalan sendiri dan nilai rohani.

Kajian ini mendapati sintesis penemuan daripada pemikiran al-Ghazali dan Ulwan. Pemikiran al-Ghazali yang berasaskan *tazkiyyah al-nafs* dan *muraqabah*, sangat sesuai diterjemah kepada pendidikan sendiri digital, iaitu membentuk anak yang tahu membezakan antara yang baik dan buruk secara dalaman tanpa bergantung sepenuhnya kepada kawalan luaran. Pendekatan Ulwan melalui pendidikan sistematik dan teladan (*qudwah*), memberikan asas amali dalam membimbing ibu bapa Muslim menjadi agen utama dalam mendidik anak menggunakan teknologi dengan bertanggungjawab dan seimbang. Model integrasi yang dicadangkan dalam kajian ini menjadi jambatan antara ilmu warisan Islam dan aplikasi kontemporari yang boleh dimanfaatkan dalam polisi keluarga, kurikulum pendidikan Islam, serta modul latihan ibu bapa.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini bersifat konseptual. Oleh itu, pengkaji mencadangkan untuk kajian masa hadapan sebagai berikut:

1. Cadangan kajian seterusnya boleh menggunakan kaedah kajian lapangan untuk menilai keberkesanan model ini dalam komuniti sebenar, menganalisis perbezaan aplikasi antara keluarga bandar dan luar bandar, atau menilai persepsi ibu bapa terhadap penggunaan pendekatan spiritual dalam kawalan digital anak.
2. Selain cadangan kajian lapangan, satu cadangan penting ialah kajian membangunkan modul latihan ibu bapa Islam era digital berdasarkan prinsip integratif ini. Sebuah kajian membangunkan modul yang boleh digunakan di sekolah, masjid, dan NGO Muslim.
3. Cadangan kajian yang boleh diuji melalui tindakan juga boleh dilakukan seperti kajian modul yang mengandungi latihan refleksi nilai Islam, pengurusan penggunaan gajet

4. dalam keluarga, dan pendekatan komunikasi yang berpaksikan kasih sayang ibu bapa. Model integrasi kajian ini dibina dalam konteks keilmuan Islam dan masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian lanjut perlu menguji kesesuaian model ini dalam konteks lain seperti keluarga Muslim di Eropah atau Timur Tengah.
5. Meskipun model integrasi ini mempunyai kelebihan yang signifikan, terdapat beberapa yang perlu diberi perhatian iaitu perbezaan tahap literasi digital ibu bapa dalam mengaplikasikan model integrasi ini.

RUJUKAN

- Abdullah, R., Yusof, N., & Wahab, N. A. 2023. Islamic Parenting Values and Digital Challenges. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 31(1): 41–58.
- Ahmad, M. K., Othman, N., & Hashim, H. 2021. Parenting in the Digital Age: Challenges for Muslim Families in Malaysia. *Malaysian Journal of Family Studies*, 6(1): 12–25.
- Al-Attas, S. M. N. 2011. *The Nature of Man and the Psychology of the Human Soul*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Arsyad, J., Hanum, A., Pasaribu, T. 2023. ATeacher Competence In The Book of Tarbiyatul Awlad Fii Islam By Abdullah Nashih Ulwan. *Tadrib: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 9(1): 16-34.
- Auda, J. 2008. *Maqasid Al-Shariah as Philosophy of Islamic Law: A Systems Approach*. London: IIIT.
- Badruttamam. 2022. Analisa Kitab Ihya' Ulumuddin Perspektif Pemikiran Islam. *Spiritualita: Jurnal Tasawuf dan Psikoterapi Islam*, 6(2): 98-108.
- Braun, V., & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research In Psychology*, 3(2): 77-101.
- Brynjolfsson, E., & McAfee, A. 2014. *The second machine age: Work, progress, and prosperity in a time of brilliant technologies*. WW Norton & company.
- Bukhari, B., Bastiar, B., & Anwar, A. 2024. Challenges of Parenting in the Digital Era: A Review from the Perspective of Islamic Family Law. *Al-Qadha : Jurnal Hukum Islam Dan Perundang-Undangan*, 11(2): 357-370.
- Cazan AM, David LT, Truța C, Maican CI, Henter R, Năstăsă LE, Nummela N, Vesterinen O, Rosnes AM, Tungland T, Gudevold E, Digernes M, Unz D & Witter S, Pavalache-Ilie M. 2024. Technostress and time spent online. A cross-cultural comparison for teachers and students. *Front Psychol*. Jul 10;15:1377200.
- Clarke, V., & Braun, V. 2017. Thematic Analysis. *The Journal of Positive Psychology*, 12(3): 297–298.
- Demaria F, Pontillo M, Di Vincenzo C, Bellantoni D & Pretelli I, Vicari S. 2024. Body, Image, And Digital Technology In Adolescence And Contemporary Youth Culture. *Front Psychol*. 15:1445098
- Falcon-Linares, C., Gonzalez Yubero, S., Mauri-Medrano, M., & Cardoso-Moreno, M. J. 2023. Impact of Social Media on Adolescence: Mapping Emerging Needs to Build Resilient Skills. *Societies*, 13(11): 238.
- Al-Ghazali. 2005. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

- Guest, Greg & Macqueen, Kathleen & Namey, Emily. 2011. *Applied Thematic Analysis*. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Hashim, R., & Langgulong, H. 2008. Islamic religious curriculum in Muslim countries: The experiences of Indonesia and Malaysia. *Bulletin of Education & Research*, 30(1): 1–19.
- Hashim, R., & Yusof, M. S. 2021. Parental Role Modelling in Children's Digital Ethics: An Islamic View. *Journal of Islamic Studies and Culture*, 9(1): 44–58.
- Ismail, N., & Mat Nor, M. R. 2020. Parenting Challenges in the Digital Era: An Islamic Perspective. *Journal of Islamic Studies and Culture*, 8(1): 17–25.
- Khan, H., Farooq, M. U., & Khan, A. 2020. Ethical self-regulation: Islamic perspective of digital ethics. *International Journal of Ethics and Systems*, 36(1): 55–70.
- Li Alamin, Muhammad Nafi 2022 Bimbingan Parenting Islami untuk membentuk karakter anak usia dini : Analisi tematik isi kitab Tarbiyatul Aulad Fil Islam Karangan Dr. Abdullah Nashih 'Ulwan. Tesis Sarjana. UIN Sunan Gunung Djati.
- Livingstone, S., & Byrne, J. 2018. Parenting in the digital age: The challenges of parental responsibility in comparative perspective. *Journal of International and Comparative Social Policy*, 34(1), 21–37. <https://doi.org/10.1080/21699763.2018.1425120>
- Livingstone, S., Davidson, J., & Bryce, J. 2019. *Children's Online Activities and Safety*. OECD Publishing.
- MHD Harmidi HRP, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Ahmad Yussuf. 2022. Analisis Pendidikan Akhlak dalam Kitab Mau'izhatul Mu'minin Min Ihya' 'Ulumuddin. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4): e001452. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1452>
- Mohd Roslan, M., Jamil, H., & Ahmad, N. 2022. Islamic Parenting in the Digital Age: Challenges and Recommendations. *Journal of Islamic Educational Research*, 5(2): 45–62.
- Nasir, M. & Abdul Rahman, S. 2020. Integrating Classical Islamic Thought in Modern Parenting Practices: A Study of Al-Ghazali and Ulwan. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 10(2): 78–94.
- Nik Azis, N. M., Zulkefli, N. A. M., & Rahim, S. A. 2020. *Digital parenting styles and children's screen time during COVID-19 lockdown in Malaysia*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(6): 138–148. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v10-i6/7274>
- Norizan Abdul Razak & Mohd Roslan Mohd Nor. 2021. Parenting in the Age of Digital Media: Contemporary Challenges and Islamic Solutions. *Qudus International Journal of Islamic Studies*, 9(2): 189–207.
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. 2017. Thematic analysis: Striving to meet the trustworthiness criteria. *International Journal Of Qualitative Methods*, 16(1): 1609406917733847.
- Purnama, S. 2018. Abdullah Nashih 'Ulwan's Technological Contribution toward the Development of Islamic Early Childhood Education. *Jurnal Pendidikan Islam*, 7(1): 47–77. <https://doi.org/10.14421/jpi.2018.71.47-77>
- Rosnani Hashim. 2014. Rethinking Islamic Education in the Modern World. *Islamic Quarterly*, 58(2): 126–144.

- Saada, N., & Mustapha, R. 2020. Al-Ghazali's Ethical Framework in Contemporary Islamic Education. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 10(1): 35–50. Q2.
- Salaeh, A., Saha, N., Khair, N., Djabir, D. & Hamed, P. 2023. Character Education Concepts in Ihya' Ulumuddin. *Southeast Asian Journal of Islamic Education*, 5(2): 231–241.
- SB. Fitriyah & MNR. Maksum, 2023. Islamic Parenting Challenges and Strategies in the Digital Era: Modern Islamic Parenting and School of Parenting. *Proceeding ISETH (International Summit on Science Technology and Humanity)*, pg: 2061-2067. <https://doi.org/10.23917/iseth.4624>
- Al-Shammari, M., Ahmad, M., & Alqahtani, H. 2021. Integrating Family and Islamic Values in Digital Education. *Journal of Family Studies in Islamic Contexts*, 8(3): 77–92.
- Sztompka, P. 2000. Cultural Trauma: The Other Face of Social Change. *European Journal of Social Theory*, 3(4): 449–466.
- Tamirih, T., Rusydi, R., Nurlaeliyah, N., & Himmawan, D. 2023. Metode Pendidikan Anak Dalam Islam Menurut Abdullah Nashih 'Ulwan Dalam Kitab Tarbiyyat al-Awlad Fi al-Islam. *Journal Islamic Pedagogia*, 3(2): 196–204.
- Tomlinson, J. 2003. Globalization and Cultural Identity. In Held & McGrew (Eds.), *The Global Transformations Reader*.
- Ulwan, A. N. 1992. *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Salam.
- Van Dijck, J. 2013. *The Culture of Connectivity: A Critical History of Social Media*.
- Wang, Q., & Yao, N. 2025. Understanding the impact of technology usage at work on academics' psychological well-being: a perspective of technostress. *BMC psychology*, 13(1): 130.
- Yusof, H., Rahman, M., & Salleh, N. 2020. Abdullah Nasih Ulwan's Contributions to Islamic Parenting Education. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(5): 91–103.
- Zainal, N. R., & Khalid, M. S. 2020. Thematic Analysis of the Ethical Values in Islamic Texts: A Study on Al-Ghazali's Ihya Ulumuddin. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 10(2): 45–60.
- Zulaiha, S., Nasir, M., & Hidayatullah, M. S. 2022. Islamic Parenting in the Face of Digital Media: A Case Study in Indonesian Muslim Families. *Journal of Islamic Educational Studies*, 30(2): 75–88.